

Tebuk buku sorok kokain

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

leh MUHAMMAD
FHAM RAMLI
ENGKIL

Sorok dadah di bahagian tengah buku yang dilubangkan antara taktik yang dibongkar selepas kes kejayaan rampasan bawak terlarang bernilai 24,000 itu direkodkan di ar Lembah Klang. Menolong Ketua garah Kastam (kuatkuasaan), Raizam pa @ Mustapa ber- bagi kes pertama a 15 Januari lalu, angan Narkotik Ibu at Jabatan Kastam Diraja ysia (JKDM) telah me- sa sebuah gudang syarikat tik di Petaling Jaya. lenurut beliau, hasil pe-



Raizam (tiga dari kiri) menunjukkan buku yang dilubangkan bagi menyorokkan dadah kokain sebelum diseludup keluar negara.

meriksaan menemui satu kotak mengandungi bungkusan plastik lut sinar berisi ketulan mampat warna putih disyaki dadah jenis kokain seberat 1.1 kilogram (kg) bernilai RM220,000.

Kes kedua pula, tambah beliau, melibatkan pemeriksaan di sebuah gudang syarikat logistik di Petaling Jaya.

"Satu parcel didapati mengandungi bungkusan berisi ketulan mampat disyaki dadah jenis kokain seberat 1kg bernilai RM200,000," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Kastam Dengkil di sini, pada Rabu.

Beliau berkata, modus operandi sindiket ialah menggunakan khidmat kurier udara selain mengikrar dagangan sebagai

new gift book dan toys.

Raizam berkata, salah satu kes ini dikesan menyorokkan kokain itu di bahagian tengah buku yang dilubangkan dan ini antara taktik lama yang dikesan beberapa tahun sebelum ini.

"Kokain ini dari dalam negara dan akan diseludup keluar," ujarnya.

Bagi kes ketiga, katanya, JKDM merampas ganja seberat 1.29kg bernilai RM4,000 selepas sitaan satu parcel di Pusat Mel & Kurier di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, 30 Disember lalu dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 6 akta sama.



1 turut merampas 100 katrij
ok elektronik mengandungi
cecair disyaki ganja.